| 1.1       | Kerangka Konseptual Kajian                                                    | 11         |
| 1.2       | Kerangka Teori Kajian                                                         | 12         |
| 2.1       | Model Pengajaran Korpus-Kamus                                                 | 36         |
| 2.2       | Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer (2001)                           | 43         |
| 3.1       | Kerangka kerja operasi                                                        | 68         |
| 3.2       | Hubungan antara Pembolehkan Tidak Bersandar<br>dengan Pemboleh ubah Bersandar | 73         |
| 3.3       | Contoh slaid multimedia untuk kumpulan kawalan                                | 86         |
| 4.1       | Rumusan Proses Analisis Data Deskriptif dan Data<br>Inferensi                 | 107        |



## SENARAI SINGKATAN

|             |                                                        |
|-------------|--------------------------------------------------------|
| BBT         | Bahagian Buku Teks                                     |
| BC SJK      | Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan                   |
| BCSK        | Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan                         |
| BKP         | Bahagian Pembangunan Kurikulum                         |
| <i>CALL</i> | <i>Computer Assisted Language Learning</i>             |
| <i>CAPS</i> | <i>Content Acquisition Podcasts</i>                    |
| <i>CTML</i> | <i>Cognitive Theory of Multimedia Learning</i>         |
| DSK         | Dokumen Standard Kurikulum                             |
| DSKP        | Dokumen Standard Kurikulum & Prestasi                  |
| HSK         | Hanyu Shuiping Kaoshi                                  |
| ICT         | Teknologi Maklumat Dan Komunikasi                      |
| JUK         | Jurulatih Utama Kebangsaan                             |
| KPM         | Kementerian Pendidikan Malaysia                        |
| KSSM        | Kurikulum Standard Sekolah Menengah                    |
| KSSR        | Kurikulum Standard Sekolah Rendah                      |
| <i>LAD</i>  | <i>Language Acquisition Device</i>                     |
| <i>MSLQ</i> | <i>Motivated Strategies for Learning Questionnaire</i> |
| PdPc        | Proses Pengajaran Dan Pemudahcaraan                    |
| PPPM        | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia                  |
| RPH         | Rancangan Pengajaran Harian                            |
| <i>SMMD</i> | <i>Smart Malay-Mandarin dictionary</i>                 |
| <i>SPSS</i> | <i>Statistical Package for the Social Science</i>      |





|        |                                                                         |
|--------|-------------------------------------------------------------------------|
| UiTM   | Universiti Teknologi Mara                                               |
| UG     | <i>Universal Grammar</i>                                                |
| UM     | Universiti Malaya                                                       |
| UNESCO | <i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i> |
| UPM    | Universiti Putra Malaysia                                               |
| UPSI   | Universiti Pendidikan Sultan Idris                                      |
| ZPD    | <i>Zone Proximal Development</i>                                        |





## SENARAI LAMPIRAN

- A Ujian Pra (Pre-test)
- B Ujian Pasca (Post-Test)
- C Soal Selidik Minat & Motivasi
- D Rancangan Pengajaran Harian (RPH)
- E Borang Kesahan Pakar, Kesahan Kandungan & Kesahan Muka Ujian Pra (Pre-test) dan Ujian Pasca (Post-test)
- F Borang Kesahan Pakar Soal Selidik Kesahan Kandungan & Kesahan Muka
- G Borang Kesahan Pakar Instrumen Kesahan Kandungan & Kesahan Muka
- H Borang Kesahan Pakar RPH Kesahan Kandungan
- I Dokumen Standard Bahasa Cina SK KSSR Tahap 1
- J Maklumat kelas BCSK JPWPKL 2017
- K Surat Pengesahan Status Pelajar UPSI & Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
- L Surat Kelulusan Dari JPWPKL
- M Surat Kelulusan Dari EPRD
- N Pakar Peterjemahan BI-BM Teh Yean Nee
- O Pakar Peterjemahan BI-BM Chua Fong Chu
- P Pakar Peterjemahan BM-BI Shahaliza
- Q Pakar Peterjemahan BI-BM Hayani
- R Surat Lantikan Pakar dari IPS UPSI





## BAB 1

### PENGENALAN



Perkembangan teknologi yang pesat pada masa kini bukan sahaja mengubah gaya hidup seharian kita, malah turut mengubah cara pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Oleh itu, seiring dengan perkembangan era globalisasi ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah giat berusaha ke arah membestarikan sekolah dengan membangunkan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT). Antara usaha itu termasuklah pembangunan dari aspek infrastruktur, pengisian dan tenaga manusia yang bertujuan untuk menghasilkan pendidikan yang lebih berkesan dan berkualiti. Hal ini menunjukkan bahawa pembelajaran menggunakan teknologi telah diserap dalam bidang pendidikan di Malaysia meskipun masih pada peringkat awal.





Matlamat KPM dalam menggabungkan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai salah satu pelantar bagi melaksanakan aktiviti Proses Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) memerlukan sokongan dan komitmen golongan pendidik. Guru misalnya perlu memainkan peranan sebagai pemudah cara kepada murid dalam proses pembelajaran dengan menggalakkan murid-murid untuk mempelajari pelbagai ilmu melalui teknologi tanpa bergantung sepenuhnya kepada guru. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan dan para guru untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan, menarik dan seterusnya mampu meningkatkan kefahaman murid-murid.

Sehubungan dengan itu, pelbagai cabaran perlu dihadapi oleh para pendidik dalam merancang pengajaran yang berkualiti bagi menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Oleh itu, sesuai dengan peredaran masa kini, pembelajaran berpusatkan murid yang bertujuan untuk melahirkan murid yang mampu berbincang dan memberikan pendapat juga menjadi kemahiran penting yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) pada tahun 2013. Untuk menyediakan negara yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa, KPM melalui PPPM telah melakarkan wawasan pendidikan yang sistematik untuk melahirkan generasi yang holistik.





Kesinambungan daripada kewujudan aspirasi sistem, aspirasi murid juga ditekankan dalam PPPM. Aspirasi murid-murid tersebut adalah untuk menerapkan kemahiran atribut dan khas kepada murid-murid bagi memastikan mereka menerajui pembangunan ekonomi dan dunia global pada masa hadapan (Ekshibit 8). Oleh hal yang demikian, kemahiran dwibahasa menjadi salah satu ciri utama dalam aspirasi murid-murid bagi mencapai matlamat yang diterapkan di dalam PPPM.

Di samping itu, kemahiran dwibahasa dalam aspirasi ini telah menunjukkan kepentingan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua di sekolah rendah dan sekolah menengah. Anjakan dua dalam PPPM itu juga menyarankan agar setiap murid menguasai kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris serta digalakkan mempelajari bahasa tambahan. Oleh itu, KPM menggalakkan semua murid mempelajari bahasa tambahan lain seperti bahasa Cina, bahasa Arab, bahasa Tamil dan lain-lain bahasa. KPM juga telah bergiat untuk menyediakan mata pelajaran bahasa lain di semua sekolah rendah dan menengah supaya setiap murid berpeluang mempelajari bahasa tambahan menjelang tahun 2025.

Sehubungan dengan itu, bahasa Cina diwujudkan sebagai bahasa elektif dan bahasa tambahan di sekolah kebangsaan sejak tahun 2011 secara berperingkat-peringkat dan banyak kolej serta universiti juga telah mengambil inisiatif yang sama. Hal ini menunjukkan subjek bahasa Cina telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di sekolah-sekolah dan di universiti-universiti tempatan. Di sekolah misalnya kebanyakan murid berbangsa Melayu, India, Sikh, Kadazan dan lain-lain turut memilih bahasa Cina sebagai bahasa tambahan yang dipelajari di sekolah.







Selain pembelajaran bahasa tambahan, KPM juga telah giat menyediakan akses internet dan persekitaran pembelajaran maya melalui 1BestariNet untuk kesemua 10,000 sekolah di Malaysia. Aspirasi tujuh dalam PPPM juga menyarankan penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) bagi pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran cara sendiri untuk memperluas akses kepada pengajaran berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi atau tahap kemahiran murid-murid. Di samping itu, penggunaan teknologi multimedia membolehkan murid memperoleh akses kandungan ICT yang lebih luas, menarik, dan interaktif. Menurut PPPM, kajian KPM pada 2010 mendapati bahawa lebih kurang 80 peratus guru menggunakan ICT kurang satu jam seminggu. Kajian UNESCO pada tahun 2012 juga mendapati bahawa penggunaan ICT tidak berganjak dan hanya sekadar penggunaan aplikasi pemprosesan perkataan sebagai alat pengajaran. Dalam anjakan ini, KPM berhasrat menyediakan kemudahan ICT di sekolah-sekolah dan menjadikan ICT sebahagian daripada kehidupan murid-murid di sekolah-sekolah. Hal ini adalah untuk mengenal pasti tidak wujud jurang pemisah antara bandar dengan luar bandar, semua guru dan murid akan dilengkapi dengan kemahiran yang perlu bagi menggunakan teknologi ini secara menyeluruh.

Pengaplikasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah trend pada abad digital dan perkembangan ini mampu memantapkan proses PdPc berdasarkan keperluan dan kehendak semasa. Tahir (2010), menyatakan bahawa teknologi pendidikan memainkan peranan yang sangat bermakna dalam membantu pembelajaran, malahan pembelajaran juga dapat dijalankan dengan lebih menarik dan berkesan.



### 1.3 Penyataan Masalah

Murid-murid di sekolah kebangsaan wajib menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam modul teras kurikulum justeru di dalam PPPM, pemilihan bahasa tambahan atau bahasa elektif seperti Bahasa Arab, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Kadazan-Dusun ditonjolkan.

Sejak tahun 2011, Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan telah diperkenalkan sebagai bahasa elektif dan Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) ini dikenali sebagai Bahasa Tambahan dalam Modul Mata Pelajaran Bahasa Tambahan di bawah KSSR Semakan 2017. Walau bagaimanapun, didapati ramai murid tidak dapat menguasai Bahasa Cina dengan baik dalam pembelajaran Bahasa Cina sebagai Bahasa Kedua. Faktor utama kegagalan tersebut disebabkan murid-murid lemah dalam penguasaan kosa kata Bahasa Cina. Menurut Goh, Warris, Mohamed dan Sabri (2012), dalam artikel mereka iaitu “*Instructional Technology design of smart Malay-Mandarin dictionary (SMMD) to support vocabulary acquisition in teaching Chinese as a foreign language*”, murid-murid kebiasaannya menghadapi masalah penguasaan kosa kata dalam proses pembelajaran Bahasa Cina sebagai bahasa asing walhal tahap penguasaan kosa kata tersebut adalah penting dalam penyampaian lisan dan penulisan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, didapati ramai murid masih tidak dapat menguasai kosa kata walaupun telah mempelajari beberapa tahun. Sehubungan dengan itu, Li dan Wu (2005), menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran kosa kata memberi impak secara langsung terhadap tahap penguasaan keseluruhan Bahasa Cina sebagai bahasa asing. Li dan Wu (2005), juga berpendapat bahawa pengajaran



kosa kata Bahasa Cina bukan sesuatu yang mudah. Hal ini demikian kerana bilangan kosa kata Bahasa Cina yang banyak ditambah pula dengan kekurangan intuisi bahasa murid-murid bukan jati diri. Di samping itu, Li dan Wu (2005), juga menyatakan bahawa salah satu masalah penguasaan Bahasa Cina sebagai bahasa kedua ialah pengajaran guru-guru yang berfokus kepada pengajaran tatabahasa.

Selain itu, kekangan juga berlaku disebabkan oleh faktor peruntukan masa pembelajaran. Murid-murid di sekolah kebangsaan wajib menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam modul teras kurikulum dan kedua-dua bahasa tersebut diajar sebanyak 300 hingga 360 minit (10-12 waktu) seminggu manakala Bahasa Cina hanya diajar 180 minit (tiga waktu) seminggu. Peruntukan masa yang amat singkat ini juga adalah salah satu faktor yang menyebabkan penguasaan Bahasa Cina yang lemah dalam kalangan murid-murid. Untuk mengatasi masalah itu, penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran didapati dapat merealisasikan peningkatan penguasaan bahasa tersebut. Selain itu, masalah juga timbul apabila para ibu bapa dan penjaga tidak dapat memberikan bimbingan kepada anak-anak mereka kerana sebahagian besarnya juga tidak mempunyai kemahiran dalam bahasa Cina.

Selain itu, kurangnya kepelbagaian kaedah dalam pengajaran juga menyebabkan murid-murid cepat bosan dan hal ini akan memberi kesan kepada pembelajaran dan penguasaan bahasa Cina. Oleh itu, Goh et al. (2012) berpendapat teknologi dalam pendidikan dapat membantu murid-murid dalam meningkatkan penguasaan dan pengayaan dalam pembelajaran kosa kata. Williams (2013) juga menjelaskan bahawa bahan multimedia diterima dengan meluas sebagai alat yang berguna dan berkesan dalam bidang penguasaan bahasa kedua. Beliau juga





menyatakan bahawa terdapat banyak kajian berkaitan bidang ini dan pengkaji telah mengkaji keberkesanan bahan multimedia daripada beberapa aspek, termasuklah kemahiran mendengar, bertutur, membaca serta menulis. Walau bagaimanapun, keberkesanan bahan multimedia dalam penguasaan kosa kata bahasa kedua masih kurang dikaji.

#### 1.4 Objektif Kajian

- 1) Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina dalam kalangan murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.
- 2) Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.
- 3) Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.





## 1.5 Soalan Kajian

- 1) Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan secara statistik terhadap pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina dalam kalangan murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan antara ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
- 2) Adakah terdapat perbezaan min minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara soal selidik pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan?
- 3) Adakah terdapat perbezaan min motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara soal selidik pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan?



## 1.6 Hipotesis Kajian

- $H_{A1}$ : Terdapat perbezaan min pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina yang signifikan secara statistik dalam kalangan murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan antara ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- $H_{A2}$ : Terdapat perbezaan dalam skor min minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara skor min pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan.



H<sub>A3</sub>: Terdapat perbezaan dalam skor min motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara skor min motivasi pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan.

Untuk memberi gambaran yang lebih jelas, pengkaji telah membuat ringkasan terhadap objektif kajian, soalan kajian, kaedah kajian dan sumbangan kajian.

Jadual 1.1

*Ringkasan Objektif Kajian, Soalan Kajian, Kaedah Kajian dan Sumbangan Kajian*

| Bil | Objektif kajian                                                                                                                                                                                              | Soalan kajian                                                                                                                                                                                                                 | Instrumen                               | Analisis Data        |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------|----------------------|
| 1   | Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina dalam kalangan murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan. | Adakah terdapat perbezaan min pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Cina yang signifikan secara statistik dalam kalangan murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan antara ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan? | Ujian Pra dan Ujian Pasca               | Ujian-t sampel bebas |
| 2   | Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan.                                                      | Adakah terdapat perbezaan min minat murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara soal selidik pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan?                                                   | Soal Selidik pra dan Soal Selidik pasca | Ujian-t berpasangan  |


(Bersambung)

Jadual 1.1 (*Sambungan*)

| Bil | Objektif kajian                                                                                                                                            | Soalan kajian                                                                                                                                                                  | Instrumen                               | Analisis Data               |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------|-----------------------------|
| 3   | Mengenal pasti kesan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina terhadap motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan. | Adakah terdapat perbezaan min motivasi murid-murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan yang signifikan secara statistik antara soal selidik pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan? | Pra Soal Selidik dan Pasca Soal Selidik | Ujian- <i>t</i> berpasangan |

## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini mengkaji kesan tahap pencapaian, minat dan motivasi penguasaan kosa kata terhadap kumpulan subjek kajian, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan menggunakan pengajaran konvensional manakala kumpulan rawatan dengan penggunaan teknologi multimedia.




Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

## 1.8 Kerangka Teori Kajian

Rajah 1.2 merupakan kerangka konsep kajian ini. Kerangka ini telah menunjukkan bahawa kajian ini dijalankan berdasarkan dua teori yang utama iaitu Teori Kognitif Pemerolehan Bahasa dan Teori Kognitif pembelajaran multimedia.





Rajah 1.2. Kerangka Teori Kajian

### 1.9 Skop Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di dua buah sekolah kebangsaan di Kuala Lumpur dan

data dikutip dalam tempoh lapan minggu yang telah dirancang. Masa yang diperuntukan untuk setiap kali pengajaran hanya 30 minit.

Kajian hanya tertumpu pada pembelajaran kosa kata dengan penggunaan teknologi multimedia, iaitu *Powerpoint* yang mengandungi aksara Bahasa Cina, *Hanyu pinyin*, gambar rajah dan rakaman suara.



## 1.10 Definisi Operasional

### 1.10.1 Pembelajaran

Dengan merujuk kepada Kamus Dewan edisi Keempat, belajar ialah usaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan, kepandaian dan sebagainya. Kamus Pelajar Edisi Kedua pula mentakrifkan belajar sebagai berlatih supaya pandai dan mahir. Manakala pembelajaran pula ditakrifkan sebagai perihal atau proses belajar dalam kamus bahasa Melayu *online* Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Pembelajaran dalam kajian ini bermaksud proses belajar untuk mencapai kemahiran yang telah ditetapkan, iaitu penguasaan kosa kata.



### 1.10.2 Kosa Kata

Kamus Dewan edisi Keempat telah mendefinisikan kosa kata sebagai keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa dan perbendaharaan kata. Kosa kata yang dipilih dalam kajian ini ialah morfem bebas yang membawa sesuatu maksud.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih kata nama, kata kerja dan kata adjektif sebagai kosa kata dalam kajian. Senarai kosa kata yang digunakan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum (DSK) yang digubal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) untuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)





dan buku teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) Tahun 3 yang diluluskan oleh Bahagian Buku Teks (BBT) pada tahun 2010.

Lim (2011), menyatakan bahawa kosa kata bahasa Cina yang dikuasai oleh murid-murid peringkat awal ialah kata konkrit. Murid-murid perlu menguasai kata konkrit seperti kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Sehubungan dengan itu, penguasaan kosa kata meliputi beberapa kemahiran tertentu, termasuklah mendengar, menyebut, membaca serta memahami penggunaan kosa kata tersebut.

### 1.10.3 Bahasa Tambahan



Bahasa tambahan dalam tesis ini merujuk kepada bahasa yang ditawarkan dan dipilih oleh murid-murid untuk membolehkan mereka berkemahiran dalam pelbagai bahasa. Mata pelajaran tambahan yang ditawarkan di sekolah kebangsaan termasuk bahasa Arab, Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan, Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan, Bahasa Iban, Bahasa Kadazandusun dan Bahasa Semai.

### 1.10.4 Pengajaran Multimedia

Multimedia yang digunakan dalam kajian ini termasuklah Powerpoint, *Hanyu pinyin*, gambar rajah dan rakaman suara.





### 1.10.5 Motivasi

Dalam kajian ini, motivasi merujuk kepada motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.

Motivasi intrinsik bergantung kepada diri sendiri untuk melakukan sesuatu tanpa dipengaruhi oleh rangsangan luar. Motivasi intrinsik ialah motivasi yang muncul dalam diri seseorang tanpa memerlukan rangsangan daripada luar. Motivasi intrinsik ini akan merangsangkan seseorang menjadi orang yang berjaya dan berpengetahuan.

Motivasi ekstrinsik pula bergantung kepada rangsangan daripada luar. Biasanya motivasi ekstrinsik timbul disebabkan ganjaran seperti wang dan gred atau ancaman hukuman. Selain itu, sorakan, pujian dan kata-kata semangat daripada orang lain ialah faktor pendorong yang kuat untuk meningkatkan motivasi ekstrinsik. Oleh itu, motivasi ekstrinsik sesuai diterapkan dalam kalangan kanak-kanak yang belum mampu membuat perbandingan kesan baik dan buruk sesuatu perlakuan atau tindakan.

### 1.10.6 Minat

Minat dalam Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi kedua ditakrifkan sebagai kecenderungan atau keinginan kepada sesuatu. Sahjan (2016) pula, menyatakan bahawa minat ialah kecenderungan yang ditunjukkan oleh murid-murid apabila adanya rangsangan yang menarik minat untuk mempelajari sesuatu ilmu.





Woolfolk (1998), juga menyatakan bahawa aspek-aspek yang mempengaruhi kejayaan pembelajaran ialah minat dan usaha.

### 1.11 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di dua buah sekolah kebangsaan di Kuala Lumpur. Hanya terdapat 30 hingga 40 responden dalam setiap kumpulan kajian. Sampel kajian juga terhad kepada murid-murid Tahun 3 yang mempelajari Bahasa Cina sahaja. Selain itu, tempoh kajian juga terhad, iaitu kajian hanya dapat dijalankan dalam masa lapan minggu sahaja.



kata, *Hanyu pinyin*, gambar rajah dan sebutan sahaja.

### 1.12 Kepentingan kajian

Kajian ini menunjukkan kesan penggunaan teknologi dalam pembelajaran kosa kata Bahasa Cina. Selain itu, kesan minat dan motivasi murid terhadap penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata Bahasa Cina dalam kalangan murid Tahun 3 di sekolah kebangsaan juga dapat ditunjukkan dalam kajian ini. Dapatan kajian ini memberikan maklumat kepada para guru untuk meningkatkan serta memperbaiki strategi pengajaran supaya menjadi lebih menarik, pembelajaran



menjadi lebih mudah difahami dan tidak membebankan justeru guru-guru dapat membimbing murid untuk menguasai kosa kata dengan lebih baik.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa giat menyarankan pembelajaran abad ke-21, penggunaan ICT, *flipped classroom* dan pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada KPM untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah Kebangsaan. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan rujukan dalam merangka langkah-langkah penambahbaikan terhadap polisi KPM dan seterusnya dapat mencapai hasrat kerajaan dalam melahirkan murid-murid yang mampu menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

bukti kepada pengkaji-pengkaji dan pihak-pihak tertentu untuk membolehkan mereka menjalankan kajian yang selanjutnya serta menambah baik kajian ini pada masa yang akan datang.

### 1.13 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan secara keseluruhan hala tuju dan strategi yang menyokong pelaksanaan pembelajaran dengan penggunaan teknologi maklumat. Bab ini juga telah menghuraikan penggunaan teknologi multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Cina dan latar belakang kajian yang berkaitan. Berdasarkan objektif



dan soal kajian, penyelidik ingin mengkaji keberkesanan pembelajaran kosa kata Bahasa Cina di sekolah kebangsaan dengan penggunaan teknologi multimedia.

